

PENGAPLIKASIAN HADITH DALAM PENTAFSIRAN AYAT FIQH IBADAT *TAFSIR AL-AZHAR*

Dr. Muhammad Yusry Affandy bin Md Isa ⁱ Ribhan binti Ibrahim ⁱⁱ

ⁱ (Corresponding author). Pensyarah, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia. Emel: yusry_affandy@usim.edu.my

ⁱⁱ Pensyarah, Jabatan Pengajian Am, Politeknik Port Dickson.
Emel: ustazahribhan@gmail.com

ABSTRAK

Hamka (w.1981M) selaku ulama tafsir terkenal Nusantara telah mengaplikasikan hadith dalam pentafsiran ayat fiqh ibadat yang terkandung dalam *Tafsir al-Azhar*. Pengaplikasian hadith menjadi sebahagian metodologi pentafsiran Hamka untuk memastikan pentafsiran dan huraian berdasarkan pendalilan yang teguh sebagaimana yang dikehendaki dalam disiplin pentafsiran al-Quran. Dalam pada itu, terdapat pelbagai hadith telah dimasukkan yang memerlukan penelitian status hadith dan kesesuaian sebagai bahan penghujahan dalil fiqh ibadat. Kajian kualitatif ini berobjektif untuk mengetengahkan sumbangan Hamka dalam penekanan hadith dan seterusnya menganalisis pengaplikasian hadith terpilih dalam *Tafsir al-Azhar*. Kajian ini penting dalam mengenalpasti kaedah pengaplikasian hadith dan status hadith yang terkandung dalam pentafsiran ayat fiqh ibadat. Kaedah kajian ini mengaplikasikan kaedah deduktif bagi mendapatkan fakta keilmuan Hamka dan mengenalpasti nas hadith. Kaedah deskriptif pula dijalankan bagi menghuraikan fakta-fakta tersebut berpandukan sumber rujukan tambahan dan menatijahkan rumusan keabsahan hadith. Dapatan kajian terpenting ialah terdapat 242 buah hadith sebagai sumber pendalilan. Berdasarkan hadith tersebut, Hamka telah mengetengahkan 82 teks hadith beserta terjemahan dan sumber riwayat, 11 hadith dalam bentuk sebahagian teks hadith, 62 terjemahan hadith beserta sumber riwayat, 36 terjemahan hadith tanpa sumber riwayat dan 51 *mafhum* hadith bersertakan riwayat. Hadith yang dikemukakan melibatkan 89% hadith tanpa status, 9% *hadith sahih*, 0.82% *hadith hasan* dan 0.82% *hadith dha'if*. Rumusannya, Hamka banyak mengaplikasikan hadith dalam bentuk hadith beserta terjemahan dan sumber riwayat. Meskipun begitu, kebanyakan hadith yang dikemukakan tidak dikemukakan bersama status hadith. Pentafsiran tidak memuatkan terlalu banyak hadith sehingga menjadi kitab tafsir perbahasan hadith dan mazhab fiqh. Ini disebabkan *Tafsir al-Azhar* lebih berorientasikan sebagai *tafsir al-ra'yi*.

Kata-kata kunci: fiqh ibadat, hadith, pengaplikasian, pentafsiran, *Tafsir al-Azhar*

PENGENALAN

Hamka atau nama sebenarnya Haji Abdul Malik bin Karim Amrullah (1908-1981) adalah seorang tokoh cendekiawan Islam yang banyak menyumbang perkembangan ilmu Islam di Nusantara. Dalam bidang agama, karya terbesar yang dihasilkan ialah *Tafsir al-Azhar*. Kaedah utama Hamka ketika menulis *Tafsir al-Azhar* ialah menghubungkan kaedah *al-tafsir al-*

ma'thur dan *al-tafsir al-ra'yi*. Kebanyakan ayat lebih ditafsirkan berdasarkan kaedah *al-tafsir al-ra'yi* iaitu kaedah pentafsiran yang menggunakan *ijtihad* tersendiri (Abdul Rouf, 2012). Kaedah ini menjadikan pentafsiran Hamka padat dengan ilmu pengetahuan dan menyentuh pelbagai permasalahan semasa.

Dalam pentafsiran ayat fiqh ibadat, para *mufassir* perlu menumpukan kajian terhadap nas al-Quran sebagai dalil utama hukum hakam sebelum rujukan sumber hukum yang lain ('Abd al-Karim, 1996). Terkandung di dalam ayat fiqh ibadat tentang perintah Allah S.W.T yang perlu dilaksanakan golongan yang beriman sebaik mungkin iaitu golongan yang telah dianggap beraqidah dengan jalan yang benar. Mereka yang tidak beraqidah dan yang tidak beriman kepada hukum-hukum syarak tidak akan tertanam di dalam hati untuk melaksanakan hukum Allah S.W.T sebagaimana yang telah dijelaskan dalam nas al-Quran, al-Sunnah dan kitab-kitab fiqh (Hasan, 2007).

Imam al-Razi (1997) dan Hatib Rachmawan (2012) mengklasifikasikan ayat fiqh ibadat adalah ayat-ayat hukum (*ayat al-ahkam*) berhubung *taharah*, solat, puasa, zakat, haji, *sujud tilawah* dan pembacaan al-Quran serta ayat-ayat yang menyentuh kepentingan ibadat. Menyedari hakikat ini, Hamka menyentuh pentafsiran ayat fiqh ibadat di dalam *Tafsir al-Azhar* dan perihal fiqh ibadat dalam karya-karyanya. Skop pentafsiran Hamka terhadap ayat-ayat fiqh ibadat dapat dilihat pada permulaan *Tafsir al-Azhar*, beliau telah mula membicarakan soal fiqh secara khusus dalam pentafsiran *surah al-Fatihah* dengan meletakkan tajuk sampingan *al-Fatihah Sebagai Rukun Solat*. Ini menunjukkan kesungguhan Hamka dalam mentafsirkan ayat hukum ibadat.

METODOLOGI KAJIAN

Tulisan ini dihasilkan berpandukan reka bentuk kajian kualitatif. Kaedah utama yang digunakan ialah kaedah pengumpulan data dan penganalisan data. Menerusi kaedah ini, penulis mengumpulkan pelbagai data daripada sumber manuskrip primer dan sekunder, seterusnya menjalankan penganalisan dokumen yang menyeluruh. Proses pengumpulan data ini dapat dilakukan dengan berkesan menerusi gerak kerja kepustakaan.

Dalam proses penganalisan data, kaedah deduktif digunakan untuk bagi mendapatkan fakta keilmuan Hamka dan mengenalpasti nas hadith. Kaedah deskriptif pula dijalankan bagi menghuraikan fakta-fakta tersebut berpandukan sumber rujukan tambahan dan menatijahkan rumusan keabsahan hadith.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan teori Imam al-Razi (1997) dan Hatib Rachmawan (2012), Hamka didapati telah mentafsirkan sebanyak 126 ayat fiqh ibadat di dalam *Tafsir al-Azhar*. Hamka telah menggunakan metod ini pada kedudukan 72 ayat daripada 126 ayat hukum ibadat di dalam *Tafsir al-Azhar*. Terdapat sebanyak 242 hadith yang termuat dalam pentafsiran ayat-ayat hukum ibadat. Kedudukan hadith-hadith tersebut dapat disimpulkan seperti dalam jadual berikut:

Jadual 1.0: Kedudukan Status Hadith Dalam Pentafsiran Ayat Fiqh Ibadat

Status hadith	Bilangan hadith	Peratus
<i>Sahih</i>	22	9.09
<i>Hasan</i>	2	0.82
<i>Da'if</i>	2	0.82
Tanpa Status	216	89.25

Keadaan 242 teks hadith dan sumber riwayat yang sempurna dan tidak sempurna dapat disimpulkan seperti dalam jadual berikut:

Jadual 2.0: Kedudukan Dalil al-Sunnah Dalam Pentafsiran Ayat Fiqh Ibadat

Metod pendalilan ayat al-Quran	Bilangan ayat	Peratus
Teks hadith beserta terjemahan dan sumber riwayat	82	33.88
Hadith dalam bentuk sebahagian teks hadith	11	4.55
Terjemahan hadith beserta sumber riwayat	62	25.62
Terjemahan hadith tanpa sumber riwayat	36	14.88

Mafhum hadith bersertakan riwayat	51	21.07
-----------------------------------	----	-------

Hamka menggunakan hadith-hadith sebagai hujah dan bahan sokongan pentafsiran ayat fiqh ibadat. Pengaplikasian hadith dilakukan dengan pendekatan berikut:

a) Menampilkan teks hadith beserta terjemahan dan sumber riwayat

Sebagai contoh dalam pentafsiran ayat 103 *Surah al-Nisa'*, Hamka mengemukakan hadith riwayat al-Bukhari seperti berikut (Hamka, 1983:5):

وَصَلُّوا كَمَا رَأَيْتُمُونِي أُصَلِّي فَإِذَا حَضَرْتُ الصَّلَاةَ فَلْيُؤَدِّنْ لَكُمْ أَحَدُكُمْ وَلْيُؤَمِّمِكُمْ أَكْبَرَكُمْ

Maksudnya: Sembahyanglah sebagaimana kamu lihat sembahyangku. Apabila telah datang waktu sembahyang hendaklah salah seorang antara kamu melakukan azan dan hendaklah menjadi imam seseorang yang terbesar antara kamu.

(Riwayat Malik b. al-Huwairith, *Sahih al-Bukhari*, no.595, *ijma'* ulama mensahihkan hadith ini.)

Dalam pentafsiran ayat 104 *Surah al-Taubah*, Hamka mengemukakan hadith yang dinyatakan daripada riwayat al-Bukhari dan Muslim seperti berikut (Hamka, 1985:10:249):

مَا تَصَدَّقَ أَحَدٌ بِصَدَقَةٍ مِنْ طَيِّبٍ وَلَا يَقْبَلُ اللَّهُ إِلَّا الطَّيِّبَ إِلَّا أَخَذَهَا الرَّحْمَنُ بِيَمِينِهِ وَإِنْ كَانَتْ تَمْرَةً فَتَرْتَبُو فِي كَفِّ الرَّحْمَنِ حَتَّى تَكُونَ أَعْظَمَ مِنَ الْجَبَلِ كَمَا يُرِيَّ أَحَدُكُمْ فَلُوَّهُ أَوْ فَصِيلَهُ

Maksudnya: Tidaklah bersedekah seseorang kamu dengan suatu sedekah dari hasil usaha yang halal dan baik, sedang Allah tidaklah menerima melainkan yang baik. Melainkan sedekah itu akan disambut oleh Tuhan Yang Rahman dengan tangan kanan-Nya, meskipun hanya sebiji kurma maka akan suburlah dia dalam telapak tangan al-Rahman sehingga akan lebih besar dari sebuah gunung sebagaimana menternakkan seseorang kamu akan seekor anak kudanya atau anak untanya.

Setelah dianalisis, pengkaji mendapati hadith tersebut tiada di dalam *Sahih al-Bukhari*. Hadith ini didapati telah diriwayatkan oleh Muslim, Ibn Majah, al-Nasai dan al-Tirmidhi. Dalam kitab *Sahih Muslim*, hadith tersebut adalah bertaraf *sahih* hasil *ijma'* ulama (al-Nawawi, t.t.).

b) Memasukkan sebahagian teks hadith daripada teks asal hadith

Sebagai contoh, terdapat hadith dalam pentafsiran ayat 183 *Surah al-Baqarah* iaitu (Hamka, 1982:2:91):

وَالصَّيَّامُ نِصْفُ الصَّبْرِ

Maksudnya: Puasa adalah separuh daripada sabar.

Hamka menyatakan hadith ini diriwayatkan oleh Ibn Majah. Setelah dianalisis, hadith tersebut berasal daripada teks hadith berikut:

لِكُلِّ شَيْءٍ زَكَاةٌ وَزَكَاةُ الْجَسَدِ الصَّوْمُ وَالصَّيَّامُ نِصْفُ الصَّبْرِ

Maksudnya: Setiap sesuatu itu ada zakatnya dan zakatnya tubuh adalah berpuasa. Puasa adalah setengah dari kesabaran.

(Riwayat Abu Hurairah, *Sunan Ibn Majah*, no.1735, dinilai *da'if* oleh al-Albani)

Dalam pentafsiran ayat 35 *Surah al-Taubah*, terdapat hadith (Hamka, 1985:10:197):

إِنَّ اللَّهَ لَمْ يَفْرِضِ الزَّكَاةَ إِلَّا لِيُطَيَّبَ مَا بَقِيَ مِنْ أَمْوَالِكُمْ وَإِنَّمَا فَرَضَ الْمَوَارِيثَ

Maksudnya: Sesungguhnya tidaklah Allah telah mewajibkan zakat melainkan supaya menjadi baiklah harta yang ada pada kamu. Dan Allah telah mewajibkan pembahagian waris untuk harta yang akan kamu tinggalkan. Selepas hadith ini, Hamka menyambung hadith dengan *mahfum* hadith iaitu:

Mendengar jawapan itu, Umar pun Takbir. Ialah karena gembiranya mendapat keterangan yang sejelas itu dari Nabi s.a.w.

Setelah dianalisis, hadith tersebut berasal daripada teks hadith berikut:

لَمَّا نَزَلَتْ هَذِهِ الْآيَةُ وَالَّذِينَ يَكْتُمُونَ الذَّهَبَ وَالْفِضَّةَ قَالَ كَبُرَ ذَلِكَ عَلَى الْمُسْلِمِينَ فَقَالَ عُمَرُ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَا أُفْرَجُ عَنْكُمْ فَاَنْطَلَقَ فَقَالَ يَا نَبِيَّ اللَّهِ إِنَّهُ كَبُرَ عَلَى أَصْحَابِكَ هَذِهِ الْآيَةُ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنَّ اللَّهَ لَمْ يَفْرِضِ الزَّكَاةَ إِلَّا لِيُطَيَّبَ مَا بَقِيَ مِنْ أَمْوَالِكُمْ وَإِنَّمَا فَرَضَ الْمَوَارِيثَ لِتَكُونَ لِمَنْ بَعْدَكُمْ فَكَبَّرَ عُمَرُ ثُمَّ قَالَ لَهُ أَلَا أُخْبِرُكَ بِخَيْرٍ مَا يَكْتُمُ الْمَرْءُ الْمَرْأَةَ الصَّالِحَةَ إِذَا نَظَرَ إِلَيْهَا سَرَّتَهُ وَإِذَا أَمَرَهَا أَطَاعَتْهُ وَإِذَا غَابَ عَنْهَا حَفِظَتْهُ

Maksudnya: Tatkala turun ayat: Dan orang-orang yang menyimpan emas dan perak....maka hal tersebut terasa berat atas orang-orang muslim. Kemudian Umar R.A berkata: aku akan melapangkan hal itu dari kalian. Kemudian ia pergi dan berkata: wahai Rasulullah! Sesungguhnya ayat ini telah terasa berat atas orang-orang muslim. Kemudian Rasulullah S.A.W berkata: Sesungguhnya Allah tidak mewajibkan zakat kecuali untuk menyucikan apa yang tersisa dari harta kalian dan mewajibkan warisan untuk orang-orang yang kalian tinggalkan. Maka Umar pun bertakbir, kemudian Rasulullah S.A.W berkata kepada Umar: Mahukah aku beritahukan simpanan paling baik yang disimpan oleh seseorang? Iaitu isteri yang salih yang apabila suaminya melihatnya maka ia akan menyenangkannya dan apabila ia memerintahkannya maka diapun mentaatinya dan kalau suaminya pergi maka dia akan menjaga amanahnya.

(Riwayat Ibn 'Abbas, *Sunan Abi Dawud*, no.1417, dinilai *da'if* oleh al-Albani)

c) Memasukkan terjemahan hadith beserta sumber riwayat

Terdapat beberapa hadith yang dimasukkan dalam bentuk terjemahan tanpa didahulukan teks hadith. Sebagai contoh, dalam pentafsiran ayat 186 *Surah al-Baqarah*, Hamka mengemukakan terjemahan hadith yang dinyatakan daripada riwayat Ibn Jarir, Ibn Hatim, Abu al-Syaikh dan Ibn Mardawaih daripada jalur riwayat al-Salt b. Hakim iaitu (Hamka, 1982:2:103):

Bahawa seorang laki-laki pernah bertanya kepada Rasulullah s.a.w.: Ya Rasulullah. Apakah Tuhan kita itu Dekat dari kita, sehingga dapat kita seru dengan suara yang lembut atautkah Dia jauh, sehingga kita seru Dia dengan suara keras? Mendengar pertanyaan itu, Nabipun terdiam. Lalu turunlah ayat ini.

Setelah dianalisis, terjemahan hadith ini berasal daripada teks hadith berikut:

أَنَّ أَعْرَابِيًّا قَالَ : يَا رَسُولَ اللَّهِ أَقْرَبُ رَبُّنَا فَتُنَاجِيَهُ أَمْ بَعِيدٌ فَتُنَادِيَهُ ؟ فَأَنْزَلَ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ وَإِذَا سَأَلَكَ عِبَادِي عَنِّي فَإِنِّي قَرِيبٌ إِلَى قَوْلِهِ فَلْيَسْتَجِيبُوا لِي إِذَا دَعَانِي

(Riwayat al-Salt b. Hakim, *al-'Ujjab fi Bayan al-Asbab*, dinilai *da'if* oleh al-'Asqalani (2002:1:434)

Dalam pentafsiran ayat 99 *Surah al-Hijr*, Hamka mengemukakan terjemahan hadith yang dinyatakan daripada riwayat al-Dailami dan al-Hakim daripada Abu Muslim al-Khaulani iaitu (Hamka, 1983:14:214):

Tidaklah Tuhan mewahyukan kepadaku supaya aku mengumpul harta, dan supaya aku masuk menjadi salah seorang saudagar, tetapi diwahyukannya kepadaku supaya engkau bertasbih memuji Tuhan engkau, dan hendaklah engkau termasuk dari orang-orang yang bersujud, dan sembahlah Tuhanmu sampai datang kepadamu yakin.

Setelah dianalisis, terjemahan hadith ini berasal daripada teks hadith berikut:

ما أوحى الله إليّ أن أجمع المال وأكون من المتاجرين ولكن أوحى إليّ أن سيح بحمد ربك وكن من الساجدين وابعُد
ربك حتى يأتيتك اليقين

(Riwayat Jubair b. Nufair, *Mawsu'ah al-Ahadith wa al-Athar al-Da'ifah wa al-Mawdu'ah*, no.21656, dinilai *da'if* oleh 'Ali al-Halabi)

d) Memasukkan terjemahan hadith tanpa sumber riwayat

Terdapat beberapa hadith yang dinyatakan dalam bentuk terjemahan tanpa dinyatakan bersama sumber riwayat. Sebagai contoh, dalam pentafsiran ayat 29 *Surah al-Fath*, Hamka telah memasukkan tiga terjemahan hadith seperti berikut (Hamka, 1982:26:174-175):

i. Terjemahan hadith:

“Muslim adalah saudara dari orang yang Muslim. Dia tidak akan menghinanya, dan tidak akan mengecewakannya.”

Setelah dianalisis, hadith ini diriwayatkan Abu Hurairah dan bersumberkan kitab *Sunan al-Tirmidhi* seperti berikut:

المسلم أخو المسلم لا يخذله ولا يخذله ولا يخذله

(Riwayat Abu Hurairah, *Sunan al-Tirmidhi*, no.1927, dinilai *sahih* oleh *al-Albani*)

ii. Terjemahan hadith:

“Perumpamaan persaudaraan orang-orang yang beriman itu, dalam cinta-mencintai dan berkasih-sayang adalah laksana tubuh yang satu: apabila mengeluh satu bagian tubuh, menjalarkan ke segala bagian tubuh rasa demam dan tidak tidur.”

Setelah dianalisis, hadith ini diriwayatkan al-Nu'man b. Bashir dan bersumberkan kitab *Sahih Muslim*. Hadith ini berasal daripada hadith berikut:

مَثَلُ الْمُؤْمِنِينَ فِي تَوَادُّهِمْ وَتَرَاحُمِهِمْ وَتَعَاطُفِهِمْ مَثَلُ الْجَسَدِ إِذَا اشْتَكَى مِنْهُ عُضْوٌ تَدَاعَى لَهُ سَائِرُ الْجَسَدِ بِالسَّهْرِ وَالْحَمَى

(Riwayat Anas b. Malik, *Sahih Muslim*, no.284, *ijma'* ulama mensahihkan hadith ini.)

iii. Terjemahan hadith:

Orang yang beriman dengan sesamanya orang yang beriman adalah laksana satu bangunan jua: satu bagian menguatkan kepada yang lain.

Setelah dianalisis, hadith ini diriwayatkan Abu Musa al-'Ash'ari dan bersumberkan kitab *Sahih al-Bukhari* dan *Sahih Muslim*. Hadith ini berasal daripada hadith berikut:

المؤمن للمؤمن كالبنيان يشد بعضه بعضًا

(Riwayat Abu Musa al-'Ash'ari, *Sahih al-Bukhari*, no.6065 dan *Sahih Muslim* no.2585, *ijma'* ulama mensahihkan hadith ini.

e) Memasukkan *mafhum* hadith bersertakan riwayat

Terdapat beberapa *mafhum* hadith yang diiringi sumber riwayat dalam pentafsiran. Sebagai contoh, dalam pentafsiran ayat 158 *Surah al-Baqarah*, Hamka mengemukakan dua buah *mafhum* hadith. *Mafhum* hadith pertama:

Menurut Hadis Bukhari dan Muslim dari Ibnu Abbas, syiar sa'i ini adalah kenangan terhadap Hajar (isteri muda Ibrahim) seketika Ismail yang dikandungnya telah lahir, sedang dia ditinggalkan di tempat itu oleh Ibrahim seorang diri...

Setelah dianalisis, *mafhum* hadith ini berpandukan hadith riwayat al-Bukhari sahaja kerana hadith tersebut tidak terdapat di dalam kitab *Sahih Muslim*. *Mafhum* hadith ini berasal daripada hadith berikut:

أَوَّلَ مَا اتَّخَذَ النِّسَاءُ الْمِنْطَقَ مِنْ قَبْلِ أُمِّ إِسْمَاعِيلَ اتَّخَذَتْ مِنْطَقًا لَتَعْفَى أَثَرَهَا عَلَى سَارَةِ ثُمَّ جَاءَ بِهَا إِبْرَاهِيمُ وَبَابِنَهَا إِسْمَاعِيلَ وَهِيَ تُرْضِعُهُ حَتَّى وَضَعَهُمَا عِنْدَ الْبَيْتِ عِنْدَ دَوْحَةٍ فَوْقَ زَمْزَمَ فِي أَعْلَى الْمَسْجِدِ وَلَيْسَ بِمَكَّةَ يَوْمَئِذٍ أَحَدٌ وَلَيْسَ بِهَا مَاءٌ فَوَضَعَهُمَا هُنَالِكَ وَوَضَعَ عِنْدَهُمَا جِرَابًا فِيهِ تَمْرٌ وَسِقَاءٌ فِيهِ مَاءٌ ثُمَّ قَفَى إِبْرَاهِيمُ مِنْطَقًا فَتَبِعَتْهُ أُمُّ إِسْمَاعِيلَ فَقَالَتْ يَا إِبْرَاهِيمُ أَيْنَ تَذْهَبُ وَتَتْرُكُنَا بِهَذَا الْوَادِي الَّذِي لَيْسَ فِيهِ إِنْسٌ وَلَا شَيْءٌ فَقَالَتْ لَهُ ذَلِكَ مِرَارًا وَجَعَلَ لَا يَلْتَفِتُ إِلَيْهَا فَقَالَتْ لَهُ اللَّهُ الَّذِي أَمَرَكَ بِهَذَا قَالَ نَعَمْ قَالَتْ إِذَنْ لَا يُضَيِّعُنَا ثُمَّ رَجَعَتْ فَانْطَلَقَ إِبْرَاهِيمُ حَتَّى إِذَا كَانَ عِنْدَ النَّبْتِ حَيْثُ لَا يَرَوْنَهُ اسْتَقْبَلَ بِوَجْهِهِ الْبَيْتَ ثُمَّ دَعَا بِهَوْلَاءِ الْكَلِمَاتِ وَرَفَعَ يَدَيْهِ فَقَالَ رَبِّ إِنِّي أَسْكَنْتُ مِنْ دُرِّيِّ بَوَادٍ غَيْرِ ذِي رِزْعٍ عِنْدَ بَيْتِكَ الْمُحَرَّمِ حَتَّى بَلَغَ يَشْكُرُونَ

Maksudnya: Wanita pertama yang menggunakan ikat pinggang adalah ibu Nabi Isma'il A.S. Dia menggunakannya untuk menghilangkan jejak dari Sarah kemudian Ibrahim A.S membawanya

berserta anaknya Isma'il yang saat itu ibunya masih menyusuinya hingga Ibrahim A.S menempatkan keduanya dekat Baitullah (Kaabah) pada sebuah gubuk di atas zamzam di ujung al-masjidil Haram. Waktu itu di Makkah tiada ada seorang pun yang tinggal di sana dan tidak ada pula air. Ibrahim menempatkan keduanya di sana dan meninggalkan semacam karung berisi kurma dan kantung berisi air. Kemudian Ibrahim pergi untuk meninggalkan keduanya. Maka Ibu Isma'il mengikutinya seraya berkata: Wahai Ibrahim, kamu mau pergi kemana? Apakah kamu mahu meninggalkan kami di lembah yang tidak ada seorang manusia dan tidak ada sesuatu apapun ini. Ibu Isma'il terus saja mengulang-ulang pertanyaannya berkali-kali hingga akhirnya Ibrahim tidak menoleh lagi kepadanya. Akhirnya ibu Isma'il bertanya: Apakah Allah yang memerintahkan kamu atas semuanya ini? Ibrahim menjawab: Ya. Ibu Isma'il berkata: Kalau begitu, Allah tidak akan menelantarkan kami. Kemudian ibu Isma'il kembali dan Ibrahim melanjutkan perjalanannya hingga ketika sampai pada sebuah bukit dan orang-orang tidak melihatnya lagi, Ibrahim menghadap ke arah Kaabah lalu berdoa untuk mereka dengan beberapa kalimat doa dengan mengangkat kedua belah tangannya, katanya: Rabbi, sesungguhnya aku telah menempatkan sebagian dari keturunanku di lembah yang tidak mempunyai tanaman-tanaman di dekat rumah-Mu yang disucikan hingga sampai kepada maksud ayat semoga mereka menjadi hamba-hamba yang bersyukur.

(Riwayat Ibn 'Abbas, *Sahih al-Bukhari*, no.3113, *ijma'* ulama mensahihkan hadith ini.)

Mahfum hadith kedua:

Menurut sebuah Hadis yang diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim, pada suatu hari Urwah bin Zubair menyatakan pendapatnya di dekat Ummul Mu'minin Siti Aisyah, bahwa demikian bunyi ayat tidaklah wajib sa'i di antara Safa dan Marwah itu. Karena kalau disebut tidaklah mengapa berkeliling di antara keduanya, niscaya tidak berkelilingpun tidak mengapa. Pendapat Urwah ini ditegur dengan baik oleh Aisyah: "Bukan sebagai yang engkau fahamkan itu wahai anak saudaraku." Adapun sa'i di antara Safa dan Marwah itu adalah termasuk rangka syiar ibadat.

Setelah dianalisis, *mafhum* hadith ini adalah berpandukan hadith yang terdapat di dalam kitab *Sahih al-Bukhari* dan *Sahih Muslim*. *Mafhum* hadith ini berasal daripada hadith berikut:

قَالَ عُرْوَةُ سَأَلْتُ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا فَقُلْتُ لَهَا أَرَأَيْتِ قَوْلَ اللَّهِ تَعَالَى إِنَّ الصَّفَا وَالْمَرْوَةَ مِنَ شَعَائِرِ اللَّهِ فَمَنْ حَجَّ
الْبَيْتَ أَوْ اعْتَمَرَ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِ أَنْ يَطَّوَّفَ بِهِمَا فَوَاللَّهِ مَا عَلَيَّ أَحَدٍ جُنَاحٌ أَنْ لَا يَطُوفَ بِالصَّفَا وَالْمَرْوَةَ قَالَتْ بِئْسَ
مَا قُلْتَ يَا ابْنَ أُخْتِي إِنَّ هَذِهِ لَوُ كَانَتْ كَمَا أُوتِيَتْهَا عَلَيْهِ كَانَتْ لَا جُنَاحَ عَلَيْهِ أَنْ لَا يَطَّوَّفَ بِهِمَا وَلَكِنَّهَا أُنزِلَتْ فِي
الْأَنْصَارِ كَانُوا قَبْلَ أَنْ يُسَلِّمُوا يُهْلُونَ لِمَنَاةَ الطَّاغِيَةِ الَّتِي كَانُوا يَعْبُدُونَهَا عِنْدَ الْمُشَلَّلِ فَكَانَ مِنْ أَهْلِ يَتَحَرَّجُ أَنْ يَطُوفَ
بِالصَّفَا وَالْمَرْوَةَ فَلَمَّا أَسْلَمُوا سَأَلُوا رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ ذَلِكَ قَالُوا يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنَّا كُنَّا نَتَحَرَّجُ أَنْ
نَطُوفَ بَيْنَ الصَّفَا وَالْمَرْوَةَ فَأَنْزَلَ اللَّهُ تَعَالَى إِنَّ الصَّفَا وَالْمَرْوَةَ مِنَ شَعَائِرِ اللَّهِ الْآيَةَ

Maksudnya: Telah berkata ‘Urwah: Aku bertanya kepada ‘Aishah R.A: Bagaimana pendapatmu tentang firman Allah Taala: Sesungguhnya al-Safa dan al-Marwah adalah sebahagian dari syiar-syiar Allah maka barangsiapa yang beribadah haji ke Baitullah atau berumrah, maka tidak ada dosa baginya mengerjakan sa‘i antara keduanya. Demi Allah tiada dosa bagi seseorang untuk tidak sa‘i antara bukit al-Safa dan al-Marwah. ‘Aishah R.A berkata: Buruk sekali apa yang kamu katakan itu wahai putra saudariku. Sesungguhnya ayat ini apabila tafsirannya menurut pendapatmu tadi berarti tidak berdosa bagi orang yang tidak melaksanakan sa‘i antara keduanya. Akan tetapi ayat ini turun berkenaan dengan kaum Ansar yang ketika mereka belum masuk Islam, mereka berniat haji untuk patung Manat simbol Thaghut yang mereka sembah di daerah al-Mushallal. Pada Waktu itu barangsiapa yang berniat haji maka dia merasa berdosa apabila bersa‘i antara bukit al-Safa dan Al Marwah (karena demi menghormati patung mereka itu). Setelah mereka masuk Islam, mereka bertanya kepada Rasulullah S.A.W tentang masalah itu, mereka berkata: Wahai Rasulullah, kami merasa berdosa bila melaksanakan sa‘i antara bukit al-Safa dan al-Marwah. Kemudian Allah Taala menurunkan ayat: Sesungguhnya al-Safa dan al-Marwah adalah sebahagian dari syiar-syiar Allah.

(Riwayat ‘Urwah b. al-Zubair, *Sahih al-Bukhari*, no.1541 dan *Sahih Muslim* no.2240, *ijma’* ulama mensahihkan hadith ini.)

KESIMPULAN

Metod pendalilan al-Quran dan al-Sunnah telah digunakan dengan meluas. Hamka telah menggunakan metod pendalilan al-Quran dalam 76 ayat daripada 126 ayat hukum ibadat atau dengan kadar 60.31%. Sebanyak 197 sumber ayat al-Quran telah digunakan sebagai dalil. Dalam konteks pendalilan al-Quran, Hamka telah menjadikan metod ini sebagai metod utama kerana sering menampilkan di dalam ayat dan berhujah dengan pendalilan al-Quran. Namun beliau didapati kurang menampilkan dalil ayat al-Quran dalam bentuk ayat yang lengkap. Terdapat 120 *mafhum* ayat atau dengan kadar 60.91%. Sewajarnya pendalilan ayat al-Quran secara kenyataan lengkap sewajarnya dapat menguasai pentafsiran.

Kebanyakan pentafsiran ayat hukum ibadat tidak mengabaikan pendalilan al-Sunnah. Hamka telah menggunakan metod ini dalam 72 ayat daripada 126 ayat hukum ibadat atau dengan kadar 57.14%. Sebanyak 242 hadith telah digunakan sebagai dalil. Hadith yang dinyatakan bersama status hadith ialah sebanyak 26 hadith. Terdapat 22 atau 9.09% hadith bertaraf *sahih*, 2 atau 0.82% hadith bertaraf *hasan* dan atau 2 atau 0.82% hadith bertaraf *da‘if*. Sebanyak 216 atau 89.25% hadith pula tidak dinyatakan status hadith.

Dalam konteks kedudukan 242 hadith, terdapat 82 hadith yang dikemukakan secara teks hadith bersama terjemahan dan sumber riwayat yang lengkap atau dengan kadar 33.88%, 11 hadith secara separa lengkap atau dengan kadar 4.54%, 62 terjemahan hadith beserta riwayat atau dengan kadar 25.61%, 36 terjemahan hadith tanpa riwayat atau dengan kadar 14.87% dan 51 *mafhum* hadith besertakan riwayat atau dengan kadar 21.07%.

Pengkaji berpendapat metod pendalilan hadith secara *mafhum* tidak wajar diaplikasikan begitu ketara dalam pentafsiran ayat-ayat hukum ibadat. Hamka juga didapati banyak

mengabaikan status hadith. Beliau hanya menyatakan 26 hadith berstatus *sahih, hasan* dan *da'if* daripada jumlah keseluruhan 216 hadith. Justeru, berlaku pengabaian status hadith atau *takhrij* hadith yang begitu ketara dalam kebanyakan hadith yang digunakan sebagai dalil dalam pentafsiran. Sewajarnya pentafsiran ayat hukum ibadat memerlukan sokongan yang jelas daripada sumber asal hadith. Rata-rata pentafsiran Hamka yang agak panjang tidak boleh menjadi penghalang atau kekangan dalam menerangkan teks hadith dan status hadith yang menjadi sumber asas dan utama sesebuah pentafsiran.

RUJUKAN

Al-Qur'an al-Karim

- Al-'Asqalani, Ibn Hajar, Ahmad b. 'Ali. (2002). *al-'Ujjab fi bayan al-asbab*. Lubnan: Dar Ibn Hazm.
- Al-Albani, Muhammad Nasir al-Din. (2008). *Silsilah al-ahadith al-da'ifah wa al-mawdu'ah*. Riyadh: Maktabah al-Ma'arif li Nasr wa al-tauzi'.
- Al-Bukhari, Abu 'Abd-Allah Muhammad b. Ibn Isma'il b. Ibrahim. (t.t.). *Sahih al-Bukhari: al-Jami' al-sahih al-musnad min hadis al-Rasul Salla Allah 'Alaih Wasallam wa Sunanihi wa ayyamihi*. Misr: Dar wa Matabi' al-Sya'b.
- Al-Nasai, Ahmad b. Shu'aib b. 'Ali. *Sunan al-Nasai*. (1429H). Riyadh: Maktabah al-Ma'arif.
- Al-Nawawi, Mahy al-Din Yahya b. Sharaf. (t.t.). *Sahih Muslim bisharh al-Nawawi*. Qahirah: Dar al-Hadith.
- Al-Razi, Abu Abd-Allah Muhammad b. 'Umar b. al-Husain al-Taimi al-Bakri al-Tabaristani Fakhr al-Din. *al-Mahsul fi usul al-fiqh*. (1997). Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Al-Tirmidhi, Muhammad b. 'Isa. *Sunan al-Tirmidhi*. (1428H). Riyadh: Maktabah al-Ma'arif.
- 'Abd al-Karim Zaidan, Dr. (2000). *Al-Wajiz fi Usul al-Fiqh*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- 'Ali Hasan 'Ali al-Halabi. (1993). *Mawsu'ah al-Ahadith wa al-Athar al-Da'ifah wa al-Mawdu'ah*. Riyadh: Maktabah al-Ma'arif li al-Nashr wa al-Tawzi'.
- Abdul Rouf. (2012). *Dimensi tasawuf karya Hamka: Analisis terhadap Tafsir al-Azhar*. Kuala Lumpur: Tesis doktor falsafah, Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Abu Daud Sulaiman bin al-Asy'ath al-Sijistani. (1997). *Sunan Abu Dawud*. Amman: Bait al-Afkar al-Dauliyyah.
- Hamka, Abdul Malik Abdul Karim Amrullah. (1982). *Tafsir al-Azhar*. Indonesia: Pustaka Panjimas.

Hamka, Abdul Malik Abdul Karim Amrullah. (1983). *Tafsir al-Azhar*. Indonesia: Pustaka Panjimas.

Hamka, Abdul Malik Abdul Karim Amrullah. (1985). *Tafsir al-Azhar*. Indonesia: Pustaka Panjimas.

Hasan Ayub. (2007). *Fiqh al-‘ibadat bi adillatiha fi al-Islam*. Qahirah: Dar al-Salam.

Hatib Rachmawan. (2012). *Fiqh ibadah dan prinsip ibadah dalam Islam*. Yogyakarta: Jurnal Universitas Ahmad Dahlan.

Idris Awang. (2001). *Kaedah penyelidikan: satu sorotan*. Akademi Pengajian Islam, Kuala Lumpur: Intel Multimedia and Publications Universiti Malaya.

Mohd Zaid Kadri. (1995). *Fakta-fakta dari Tafsir al-Azhar*. Johor: Badan Gemilang Sdn. Bhd.

Muhammad b. Yazid b. Majah. *Sunan Ibn Majah*. (1429H). Riyad: Maktabah al-Ma‘arif.

Muslim b. Isma‘il. (2000). *Sahih al-Muslim*. Qahirah: Dar al-Hadith.